

Program pemantauan komuniti bantu lapor aktiviti ceroboh tanah



Pengarah Pusat Islam, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Oleh Shafry Salim
bhrencana@bh.com.my

Beberapa kejadian pencerobohan tanah secara haram yang berlaku di dalam negara mutakhir ini mencetus suasana tegang berbau perkauman dan keagamaan yang tidak sepatutnya berlaku.

Bermula dengan isu pembinaan rumah ibadat secara tidak sah hinggalah terkini kekecohan berlaku akibat penguatkuasaan diambil ke atas pencerobohan tanah haram untuk aktiviti penanaman durian Musang King di Raub, Pahang.

Isu ini nampak memuncak apabila Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan ketegasan untuk menoktahkan kemelut pencerobohan tanah secara haram di negeri itu.

Aktiviti pencerobohan tanah secara haram bukan isu baharu di Malaysia, ia berlaku sejak lepas merdeka lagi. Namun usaha membendungnya seperti tiada keseriusan daripada pihak berkuasa hingga ia berterusan berdekad-dekad.

Kegiatan ini berlaku di kawasan hutan simpan, tanah milik kerajaan, rizab pertanian dan tanah persendirian, sering kali dilakukan kononnya untuk tujuan pertanian, penempatan haram atau pembalakan tanpa lesen.

Yang terkini, turut menjadi kebimbangan adalah peningkatan pendedahan kes pembinaan rumah ibadat secara tidak sah melalui pencerobohan ta-

nah secara haram.

Oleh itu, strategi menyeluruh dan tindakan tegas perlu diambil bagi membanteras aktiviti ini demi kesejahteraan dan keharmonian kaum di dalam negara serta menjamin kelestarian alam sekitar.

Kerajaan perlu memperkukuh tindakan penguatkuasaan dengan meningkatkan kecekapan agensi seperti Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Perhutanan serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

Kuat kuasa segala akta

Program pendidikan komuniti terutama di kawasan luar bandar boleh membantu mengurangkan kejadian pencerobohan. Bagi pencerobohan akibat tekanan sosioekonomi, kerajaan boleh menyediakan alternatif sah seperti pemberian tanah rancangan FELCRA, FELDA atau skim pertanian mapan.

Tindakan ini bukan sahaja mengelak pencerobohan, malah membantu golongan berpendapatan rendah keluar daripada kemiskinan. Namun, mekanisme jelas dan berstruktur perlu diwujudkan supaya strategi ini berjaya mencapai objektifnya.

Kerajaan juga boleh memperkenalkan program pemantauan komuniti untuk mereka menjadi mata dan telinga kerajaan, melaporkan segala aktiviti salah laku pencerobohan tanah haram ini.

Program seperti 'Rakan Tanah' atau 'Rakan Hutan' boleh diwujudkan untuk mewujudkan rasa tanggungjawab dalam kalangan komuniti terhadap kawasan mereka.

Sudah tiba masanya kerajaan secara tegas dan

tuntas menguatkuasakan segala akta, peraturan dan undang-undang sedia ada untuk membanteras aktiviti pencerobohan tanah ini. Terdapat beberapa akta utama boleh digunakan pihak berkuasa dalam membanteras pencerobohan tanah secara haram.

Antaranya Kanun Tanah Negara 1965, undang-undang utama mengawal pemilikan, pengurusan dan penggunaan tanah di Semenanjung. Akta Perhutanan Negara 1984 juga boleh digunakan bagi kes tanah berada dalam hutan simpan kekal.

Akta ini digunakan untuk mengambil tindakan terhadap penceroboh menjalankan kegiatan seperti pembalakan haram atau pertanian tanpa permit.

Selain daripada itu, Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010 juga boleh digunakan jika pencerobohan berlaku di kawasan membabitkan hidupan liar, bagi melindungi spesies terancam dan kawasan perlindungan.

Sekiranya pelanggaran peraturan berlaku terhadap binaan atau struktur haram di atas tanah yang tidak sah, PBT boleh mengambil tindakan menggunakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Bagi kes memerlukan kerajaan memindahkan penceroboh mendiami tanah secara haram, Akta Penempatan Semula 1969 boleh digunakan menyedaikan penempatan sah dan sesuai.

Jelas di sini, kita mempunyai peruntukan undang-undang mencukupi bagi menangani isu pencerobohan tanah haram. Apa yang diperlukan adalah penguatkuasaan undang-undang secara menyeluruh, tegas dan konsisten pihak berkuasa.